

Headline	Inisiatif Chevron, Yayasan My Kasih manfaat 1,000 pelajar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Nov 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	A4	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	156 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,377
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,132



## Inisiatif Chevron, Yayasan My Kasih manfaat 1,000 pelajar

**Caltex** bersama rakan kongsi, Yayasan MyKasih mengumumkan projek kempen komuniti mereka, 'Caltex Fuel Your School-Kedah' berjaya mengumpul RM129,045 untuk digunakan bagi 27 projek kelas di Kedah dan memberi impak kepada lebih 1,000 pelajar.

Kempen yang mendapat pengiktirafan Kementerian Pendidikan ini turut mendapat sokongan masyarakat daripada media sosial dalam membantu 10 buah sekolah awam di seluruh negara menerima bahan projek kelas untuk mencecutkan minat belajar Sains, Teknologi, Bahasa Inggeris dan Matematik (STEM).

Menurut Pengurus Dasar, Kerajaan dan Hal Ehwal Awam Chevron Malaysia Limited, Mokhtar Ali Ismail: "Syarikat berbangga untuk mengetahui bahawa kempen 'Caltex Fuel Your School' berjaya membawa perubahan dalam kelas di sekolah awam di Kedah terutama sekolah-sekolah berkeperluan tinggi di mana majoriti pelajar adalah daripada golongan berpendapatan rendah."

### Kumpul dana sepanjang Ogos

Pemenang bagi kategori pendidik dan projek dipilih orang ramai melalui Facebook memenangi bahan-bahan projek bernilai sehingga RM5,000 bagi setiap projek kelas. Antara bahan yang diminta ialah komputer, projektor, kamus, papan putih interaktif dan peralatan makmal.

Dana yang terkumpul diperoleh melalui sumban-

gan RM1 bagi setiap pembelian RM40 atau lebih di stesen Caltex Kedah sepanjang bulan Ogos 2014 dan disalurkan bagi pembelian bahan bagi projek-projek kelas yang dikemukakan oleh pendidik sepenuh masa yang layak.

Melalui pengumpulan dana untuk kempen sebelum ini seperti 'Driving Change' dan 'Fuel Your School', sehingga kini Caltex berjaya membantu lebih 600 pelajar kurang berkemampuan dari 11 buah sekolah di Perak, Selangor, Pulau Pinang, Johor, Terengganu dan Kedah dibawah program 'Love My School' anjuran Yayasan MyKasih.

Headline	Inisiatif Chevron, Yayasan My Kasih manfaat 1,000 pelajar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Nov 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	A4	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	156 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,377
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,132



**Pasukan Chevron dan Yayasan MyKasih bersama guru-guru di majlis penutup 'Caltex Fuel Your School' di Kedah.**